



**MAJLIS DAERAH KUBANG PASU
KOMPLEKS PENTADBIRAN KUBANG PASU
06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN
TEL : 04-9183300 / 04-9183309
FAKS : 04-9174057**

**BAHAGIAN KESIHATAN
UNIT PELESENAN**

SYARAT-SYARAT AM LESEN LUAR PASAR

1. Lesen yang dikeluarkan oleh Majlis hendaklah dimasukkan di dalam plet (patil) yang disediakan dan dipamerkan di tempat perniagaan dan mudah dilihat pada setiap masa.
2. Syarat-syarat lesen yang dikeluarkan hendaklah sentiasa dipatuhi.
3. Pembayaran lesen hendaklah dibuat di Majlis Daerah Kubang Pasu sebelum atau pada Februari tiap-tiap tahun.
4. Lesen tidak boleh dipindah milik tanpa kelulusan Majlis.
5. Yang DiPertua Majlis Daerah Kubang Pasu boleh membatalkan lesen tanpa memberi sebarang sebab. Selain dari kehendak-kehendak dan syarat-syarat yang tersebut, Majlis boleh mengeluarkan syarat-syarat tambahan dari semasa ke semasa.
6. Tidak dibenarkan gantung atau simpan sebarang perkakasan tempat tidur atau pangkin di dalam mana-mana tempat di dalam pasar dan perbuatan duduk atau berdiri atau baring di atas meja jualan adalah dilarang.
7. Semua meja-meja jualan, bangku atau almari yang digunakan bagi tempat letak jualan daging atau ikan atau sayur hendaklah sentiasa berkeadaan bersih dan dibasuh dengan air dan detergen/ bahan pencuci sekurang-kurangnya sekali sehari.
8. Sampah sarap perniagaan atau bahan buangan hendaklah dikutip dan dimasukkan ke dalam karung plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum dilupuskan dalam tong sampah. Sebarang kotak kosong atau raga ditegah disimpan ditapak perniagaan selepas tamat waktu perniagaan.
9. Hendaklah menjaga kebersihan ditapak perniagaan.
10. Pelesen hanya dibenarkan menjual barang-barang sepertimana diluluskan oleh Majlis sahaja.
11. Setiap pelesen hendaklah mengendalikan dan hadir sendiri di meja jualannya dan sekiranya memerlukan pembantu hendaklah terlebih dahulu memohon dan mendapatkan kebenaran bertulis dari Majlis.
12. Tidak dibenarkan meninggalkan alatan perniagaan selepas tamat perniagaan.
13. Pelesen yang menjalankan perniagaan makanan hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan dan suntikan.
14. Pelesen dan pembantu yang menjalankan perniagaan makanan hendaklah memakai penutup kepala dan apron.
15. Pakaian pelesen hendaklah bersih dan kemas. Pemakaian baju singlet, seluar pendek, baju tanpa lengan dan selipar tidak dibenarkan.